

09 JAN 1997

Mahathir - Peluang

KEDAH MAMPU MAJU, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 9 Jan (Bernama) -- Kedah yang agak ketinggalan berbanding beberapa negeri lain daripada segi pembangunan mempunyai banyak peluang untuk mencapai kejayaan jika pendekatan baru digunakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu berusaha supaya Kedah dapat mencapai pembangunan yang besar dan saya percaya ia boleh dilakukan. Kita juga harus berfikir apa lagi yang boleh dibuat," katanya semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan 2,000 pemimpin dan anggota parti komponen Barisan Nasional Kedah di sini hari ini.

Beliau berkata rakyat Kedah harus bertanya mengapa ia masih ketinggalan berbanding negeri lain walaupun ia telah melahirkan dua Perdana Menteri.

"Jika tidak dianalisis mungkin kita akan berfikir, Kedah sudah sememangnya macam itu, sejak dahulu lagi sudah ketinggalan kerana tidak mempunyai banyak kelebihan.

"Hakikatnya kita terpaksa lawan tanggapan sedemikian supaya pembangunan yang besar dapat dicapai," katanya.

Menurutnya negeri-negeri bersaing untuk mencapai tahap pembangunan yang pesat dengan negeri seperti Johor, Selangor dan Pulau Pinang mencapai kejayaan yang tinggi.

"Mungkin wujud anggapan negeri-negeri itu mempunyai beberapa kelebihan seperti Johor dekat dengan Singapura dan Pulau Pinang sememangnya telah maju sejak dahulu, tetapi negeri-negeri lain yang tidak mempunyai faktor itu juga telah mengatasi Kedah," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat telah berusaha membawa pelaburan ke Kedah dan menentukan bentuk pelaburan yang sesuai di negeri itu dan hasilnya dapat dilihat daripada kejayaan mewujudkan Kilang Besi Perwaja dan Kilang Motosikal dan Enjin Nasionl (Modenas).

Beliau menggesa anggota-anggota exco kerajaan negeri dan semua anggota Dewan Undangan Negeri menggembleng tenaga untuk memikirkan apa yang boleh dibuat.

Dr Mahathir juga meminta sektor awam mengurangkan karenah birokrasi dan mempercepatkan permohonan untuk projek-projek pembangunan.

"Yakinlah jikalau karenah-karenah yang melambatkan proses pembangunan dikurangkan, negeri-negeri akan dapat mencapai pembangunan dengan cepat.

"Usaha gigih kakitangan untuk mempercepatkan kelulusan permohonan dan membuat sesuatu dengan cara bertanggungjawab, segala rintangan akan dapat diatasi," katanya.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kelebihan Kedah yang mempunyai kawasan yang rata memungkinkan pembinaan landasan kereta api yang dapat bergerak dengan pantas dan ini pula menyebabkan kawasan sekitar dapat dibangunkan dengan pesat.

Mengenai usaha kerajaan Kedah menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan beliau berkata ia merupakan langkah yang amat positif.

Katanya fungsi masjid tidak harus ditafsirkan hanya tempat beribadat saja.

"Umat Islam harus pandai membahagikan masa untuk ibadat dan kerja-kerja lain kerana ia akan membawa kemuliaan kepada umat itu secara keseluruhannya," katanya. -- BERNAMA

MZM MFJ MAI